

KENYATAAN MEDIA

RPM: PELAKU UNTUK PELAKU



Dari kiri ke kanan: Ajai, Ana Raffali, Dato' Sheila Majid (Pengerusi), Jaclyn Victor dan Aniu (阿牛) selaku Lembaga Pengarah Recording Performers Malaysia Berhad.

16hb Mei 2012, Kuala Lumpur - Ratu Jazz Malaysia Dato' Sheila Majid, bersama-sama dengan Lembaga Pengarah RPM lain yang terdiri daripada Ajai, Aniu (阿牛), Jaclyn Victor dan Ana Raffali telah mengadakan pertemuan artis dan pemuzik rakaman di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 22 Februari 2012, dan semua pihak dengan sebulat suara berazam untuk memastikan ketelusan dan keadilan di dalam pengutipan dan pengagihan royalti di kalangan pelaku melalui penubuhan Recording Performers Malaysia Berhad ("RPM").

Salah satu tujuan utama penubuhan RPM, sebuah syarikat terhad dengan jaminan di bawah Akta Syarikat 1965, adalah untuk menjalankan fungsi sebagai sebuah badan pelesenan menurut interpretasi Seksyen 3 di bawah Akta Hakcipta 1987, untuk mentadbir secara kolektif pengeluaran lesen dan pengagihan royalti berkenaan hak saraan saksama yang diberikan untuk penggunaan komersial persembahan pelaku yang dirakamkan menurut Seksyen 16B Akta Hakcipta 1987 dan mana-mana pindaan yang berkaitan dalam Akta ini pada masa akan datang.

RPM ditubuhkan dengan objektif utama untuk melindungi semua ahlinya. Apabila seseorang artis atau pemuzik sesi berdaftar sebagai ahli RPM, mana-mana lagu yang dipersembahkan oleh beliau disiarkan atau dimainkan di tempat awam, RPM akan memastikan beliau akan menerima mana-mana/semua royalti yang mungkin harus dibayar kepada mereka.

Lembaga Pengarah RPM menekankan bahawa RPM mengutamakan perwakilan demokratik dan operasi telus kerana terdapat banyak aduan dan isu yang dibangkitkan oleh pelaku rakaman berkenaan perkara ini pada masa yang lalu. Lembaga Pengarah percaya dan setuju bahawa tiada sesiapa yang lebih sesuai untuk mewakili pelaku selain daripada pelaku sendiri.

Dato' Sheila Majid menambah bahawa "Slogan RPM, "Pelaku untuk Pelaku", merupakan ilham setelah bertahun-tahun rasa tidak puas hati berkenaan pengagihan royalti pelaku dan sudah tiba masanya kita, sebagai pelaku untuk membuat keputusan dan mewakili diri kita sendiri demi kebaikan masa depan kita."

Dato' Sheila Majid selanjutnya menjelaskan fungsi antara Public Performance Malaysia Sdn. Bhd. ("PPM") dan Music Authors' Copyright Protection (MACP) Berhad, kedua-duanya, sebagai organisasi pengurusan kolektif, walau bagaimanapun, untuk menjalankan pengutipan bagi pihak pemegang hak yang berbeza.

Dato' Sheila Majid memberi jaminan kepada semua pelaku berhubung pengagihan untuk royalti yang dikutip sebelum 1hb Januari 2012 tidak akan menjejaskan mana-mana transaksi selepas itu. Beliau selanjutnya memberitahu bahawa PPM telah dilantik sebagai agen pengutipan eksklusif RPM semenjak 1hb Januari 2012.

Lembaga Pengarah RPM seterusnya menggesa semua rakan pelaku agar tidak salah sangka dengan kenyataan yang mengelirukan dan sebarang pertanyaan harus ditujukan kepada RPM untuk penjelasan lanjut. Pelaku rakaman yang berdaftar sebagai ahli RPM akan menikmati perlindungan daripada RPM dan keadilan dalam pengagihan royalti akan dipastikan untuk semua ahlinya. Oleh itu, sebarang perlengahan oleh pelaku rakaman berkenaan pendaftaran keahlian kepada RPM mungkin akan mengakibatkan penangguhan, gangguan dan/atau kerugian dalam royalti yang mungkin akan dibayar kepada mereka untuk 1hb Januari 2012 dan ke atas.

Dalam seruan Pengerusi RPM kepada semua pelaku rakaman, beliau berkata, "RPM merupakan permulaan baru kita. Marilah kita menjadi contoh kepada rakan-rakan pelaku yang lain dan bersama-sama bergerak ke hadapan dengan sokongan antara kami. Sertailah kami dalam perjuangan untuk perwakilan yang sah dari sekarang dan dengan komitmen penuh daripada Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), PPM dan MACP untuk RPM, kita, sebagai ahli-ahli RPM boleh mengharapkan masa depan yang lebih cerah dan pendapatan yang lebih baik mulai hari ini." Beliau menambah bahawa pelancaran rasmi RPM kini dalam perancangan dan suatu tarikh akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Pelaku untuk Pelaku" - RPM

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nama : Maisy Yao

Tel No.: 03-6207 2988

Emel: maisy@rpm.my



Recording Performers Malaysia Berhad (RPM)

 L-8-2, 8th Floor, Block L, No. 2, Jalan Solaris, Solaris Mont' Kiara, 50480 Kuala Lumpur

 603-6207 2988  603-6207 2901  www.rpm.my  info@rpm.my

Organisasi yang menyokong

RIM



Persatuan Industri Rakaman Malaysia

Ditubuhkan pada tahun 1978 dan kini mewakili lebih daripada 200 syarikat rakaman tempatan dan perniagaan, kesemua adalah terlibat dalam pengeluaran, penghasilan dan pengedaran rakaman bunyi, muzik video dan karaoke tempatan dan antarabangsa. Ia merangkumi kira-kira 95% rakaman yang sah yang boleh didapati secara komersial di pasaran muzik Malaysia.

PPM

LINKING MUSIC
WITH BUSINESS

Public Performance Malaysia Sdn Bhd

Sebuah badan perlesenan yang fungsinya diiktiraf oleh Akta Hakcipta 1987 (Akta 332) dan ditubuhkan pada tahun 1988 untuk mewakili ahli-ahli RIM berhubung dengan perlesenan kolektif untuk persembahan awam, penyiaran, pengeluaran semula dan penyewaan komersial rakaman bunyi, muzik video dan karaoke di Malaysia.

MACP

Music Authors' Copyright Protection (MACP) Berhad

Ditubuhkan pada tahun 1989 untuk mewakili lebih daripada 2,500 komposer, penulis lirik dan penerbit muzik berhubung dengan perlesenan kolektif untuk persembahan awam dan penyiaran karya muzik di Malaysia.